

# ‘Taiko jalan’ kena penjara 30 hari, denda

**Kuala Lumpur:** Seorang ulat parkir yang digelar ‘taiko jalan’, dihukum penjara 30 hari serta denda oleh Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas didapati bersalah menjalankan kegiatan haram itu.

Dia bersama tujuh individu, termasuk lima warga asing, dituduh di mahkamah selepas ditahan oleh Jabatan Penguatkuasaan DBKL menerusi operasi Tindakan Khas Penjaga Parkir Tanpa Kebenaran (Ops Jaga), Khamis lalu.

Menurut DBKL dalam satu kenyataan, operasi dijalankan di sekitar Jalan Tun Sambanthan, Jalan Sri Hartamas, Jalan Beremi, Jalan Tingkat Tong Shin, Jalan Alor dan Jalan Raja Alang yang dikenal pasti sebagai lokasi

tumpuan aktiviti menjaga serta mengutip wang parkir di kawasan awam.

“Operasi khas dijalankan bermula pada jam 12.30 tengah hari hingga jam 9.30 malam itu menahan tiga lelaki warga tempatan dan lima warga asing terdiri daripada tiga warga India serta masing-masing seorang warga Bangladesh dan Myanmar.

“Mereka kemudian dibawa ke Jabatan Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut dan proses dokumentasi (pendakwaan mahkamah/kertas siasatan).

“Kelmarin (Jumaat), Mahkamah Majistret DBKL menjatuhkan hukuman penjara 30 hari ke atas seorang individu, empat lagi dikenakan penjara 14 hari, manakala tiga yang lain didenda,” katanya.



*Lapan individu termasuk lima warga asing yang terbabit kegiatan ulat parkir dikenakan hukuman penjara serta denda oleh Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).*

(Foto ihsan DBKL)